

## Pelan Tindakan Strategik Pengantarabangsaan Bahasa Melayu

### Strategic Action Plan in Internalisation of Bahasa Melayu

PROF. DATUK SERI DR. AWANG SARIYAN

(KERTAS UCAP UTAMA SIMPOSIUM PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU, PEJABAT PERDANA MENTERI, DBP, UKM, 22-24 MEI 2022)

#### PENDAHULUAN

Perihal taraf, kedudukan dan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa dunia atau bahasa antarabangsa memang telah menjadi fakta dalam sejarah perkembangan dan kebangkitan tamadun Melayu, sejak zaman Sriwijaya pada abad ketujuh Masihi dan memuncak pada zaman Kesultanan Melayu, dalam tempoh beberapa ratus tahun. Namun demikian, dengan kesan penjajahan yang memadamkan sebahagian kegemilangan bahasa Melayu, upaya menggemilangkan semula bahasa Melayu sebagai bahasa dunia memerlukan perancangan yang rapi dan berkesan, meskipun memerlukan tempoh yang panjang dan beransur-ansur.

Pada masa ini, bahasa Melayu belum sampai pada tahap bahasa antarabangsa yang dominan sebagaimana halnya dengan bahasa Inggeris yang telah menjadi bahasa ibunda atau bahasa pertama lebih 45 peratus penduduk 10 buah negara di dunia seperti United Kingdom, Ireland, Australia, New Zealand, Barbados, Jamaica, Trinidad, Amerika Syarikat, Kanada dan Guyana (Fishman et al. 1977), menjadi bahasa rasmi atau bahasa kedua di Botswana, Cameroon, Fiji, Gambia, Ghana, India, Lesotho, Liberia, Malawai, Malta, Mauritius, Namibia, Nauru, Nigeria, Filipina, Zimbabwe, Sierra Leone, Singapura, Afrika Selatan, Swaziland, Tanzania, Tonga, Uganda, Saomoa Barat dan Zambia (Richards 1991). Namun bahasa Melayu mempunyai kedudukannya sendiri dalam perkembangan bahasa-bahasa utama dunia sehingga memang ada keperluan pengajarannya kepada penutur asing meskipun tidak seluas keperluan pengajaran bahasa Inggeris. Fakta mutakhir yang cukup memberangsangkan ialah pernyataan tentang perkembangan dan potensi bahasa Melayu sebagai bahasa dunia yang dominan, antaranya seperti pernyataan David Graddol, Pengarah The English Company (UK) Ltd dalam jurnal *The Future of Language* (27 Februari 2004) bahawa bahasa Melayu merupakan salah satu bahasa yang amat pesat berkembang. Atas dasar

adanya keperluan bahasa Melayu diajarkan kepada penutur asing itu, perlu ada perencanaan yang rapi untuk memenuhi keperluan tersebut.

#### BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ANTARABANGSA DAN UPAYA PENGANTARABANGSAANNYA

Istilah pengantarabangsaan yang saya gunakan bagi bahasa Melayu dalam makalah ini ada kalanya mengundang persoalan: Mengapakah bahasa Melayu perlu diantarabangsakan, seolah-olah bahasa tersebut belum bertaraf antarabangsa? James T. Collins (1995) dalam kritiknya terhadap pertanyaan “Wajarkah bahasa Melayu diantarabangsakan?” yang diajukan oleh seorang wartawan akhbar setempat kepadanya menegaskan bahawa bahasa Melayu tidak perlu diantarabangsakan kerana bahasa Melayu memang sudah bertaraf antarabangsa. Penegasan beliau itu jika dibaca sekali lalu seakan-akan bercanggah dengan semangat yang tersirat di balik gagasan pengantarabangsaan bahasa Melayu. Bahasa Melayu memang telah mencapai taraf antarabangsa sejak lebih seribu tiga ratus tahun lalu (Collins 1995), dengan memperhitungkan Kerajaan Sriwijaya sebagai titik tolak pengantarabangsaan bahasa Melayu. Pada zaman itu bahasa Melayu telah

berinteraksi dengan bahasa Sanskrit yang mewakili kebudayaan India.

Oleh itu, semangat pengantarabangsaan bahasa Melayu yang kita bincangkan kini sebenarnya merupakan upaya meningkatkan “taraf antarabangsa” yang telah dicapai oleh bahasa Melayu dahulu, terutama dalam rangka kesesuaiannya dengan perkembangan zaman. Hal ini selaras dengan kenyataan bahawa keantarabangsaan bahasa Melayu kini jika dibandingkan dengan keantarabangsaannya pada zaman gemilang tamadun Melayu sebelum datangnya penjajah masih jauh daripada yang kita dambakan. Meskipun bahasa Melayu tersebar dan dipelajari di mana-mana bahagian di dunia ini, dan dengan demikian melayakkannya bertaraf antarabangsa, peranannya sebagai wahana kehidupan moden dalam kalangan masyarakat antarabangsa masih jauh jalannya. Bahasa Melayu dalam era ini belum dianggap sebagai bahasa perdagangan, bahasa ekonomi, bahasa ilmu dan bahasa teknologi pada peringkat antarabangsa, bukan kerana bahasa Melayu tidak mampu, tetapi disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuklah kekangan yang membataskan ruang kepada perkembangan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu.

Apabila Islam datang ke alam Melayu pada sekitar abad ke-13 (malah sumber Aceh menyatakan bahawa Islam telah tiba di Alam Melayu pada abad kelapan lagi), bahasa Melayu mengalami interaksi dengan satu lagi bahasa antarabangsa, iaitu bahasa Arab dan juga bahasa Parsi. Kegiatan penterjemahan teks daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu telah berlangsung, seperti usaha ulama Melayu yang menterjemahkan Aqid al-Nasafi pada tahun 1590 (Al-Attas 1988). Dengan demikian, bahasa Melayu telah diantarabangsakan daripada sudut kandungan bahasa itu sendiri dan pada waktu yang sama dari sudut peranannya juga, iaitu sebagai bahasa yang digunakan dalam ranah hubungan antarabangsa, khususnya sebagai bahasa diplomasi. Amatlah menarik halnya bahawa bahasa Melayu menjadi bahasa penyebaran Islam yang ampuh, sehingga ulama dari luar alam Melayu, seperti Nuruddin al-Raniri yang berasal dari Gujerat berkarya dan mendakwahkan Islam dengan menggunakan bahasa Melayu – bukti bahawa ilmu lebih berkesan disampaikan dalam bahasa umat itu sendiri, selaras dengan sunnatullah atau peraturan Tuhan. Sumbangan Islam sebagai agama sejagat telah sesungguhnya membantu menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa, melalui

penyerapan istilah-istilah dasar yang berkaitan dengan akidah dan ibadah – istilah sejagat yang digunakan oleh umat Islam lain di dunia. Demikian juga, dengan memperhitungkan bahawa bahasa Melayu merupakan bahasa kedua terbesar sebagai bahasa Islam, sesudah bahasa Arab, tidak syak lagi bahawa bahasa Melayu telah mencapai darjat bahasa antarabangsa dalam dunia Islam.

Dalam ranah diplomasi, peranan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa terlihat, misalnya pada surat Sultan Ternate, iaitu Sultan Abu Hayat kepada Raja Sepanyol pada tahun 1521 dan 1522 (Collins 1998:18 dan 23), surat Sultan Aceh kepada kapitan Inggeris, James Lancaster (1601), surat Sultan Alauddin Shah Aceh kepada Harry Middleton (1602) dan surat Sultan Aceh kepada Raja Inggeris, King James (1612), kesemuanya dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi (Nik Safiah Karim et al. 1996) menjadi bukti keantarabangsaan bahasa Melayu. Malahan apabila UNESCO mengiktiraf surat-surat Sultan Kedah (dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi) pada abad ke-19 kepada kerajaan Inggeris sebagai salah satu warisan dunia, jelas bahawa taraf keantarabangsaan bahasa Melayu dalam bidang diplomasi pada suatu waktu dahulu telah tercapai.

Dalam hal yang secara langsung berkaitan dengan pendidikan bahasa Melayu, perhatian orang asing terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa memang telah wujud seawal abad ketujuh apabila Yi Jing, agamawan Buddha yang datang dari China mempelajari bahasa Melayu kuno untuk tujuan pengajian agama Buddha yang pada zaman itu berwahana bahasa Melayu kuno. Pegawai kerajaan China Dinasti Ming yang menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Melayu Melaka dari abad ke-15 hingga abad ke-16 telah menyusun daftar kata yang menggambarkan kosa kata bahasa Melayu yang perlu difahami oleh para diplomat China dalam urusan mereka di alam Melayu. Daftar kata yang mengandungi kira-kira 500 kata masukan itu telah mula disusun jauh lebih awal daripada daftar kata Pigafeta (1522) kerana kosa kata yang terakam meliputi kosa kata sejak terjalannya hubungan Kerajaan China dengan Kerajaan Melaka.

Judul kamus itu dalam bahasa Cina ialah Man La Jia Guo Yi Yu atau Senarai Perkataan Negeri Melaka (Liang Li Ji 1996). Kata-kata yang terhimpun di dalamnya dipercayai meliputi kosa kata dari zaman awal bermulanya hubungan Dinasti Ming dengan Kerajaan Melaka, iaitu pada tahun 1403 hingga tahun jatuhnya Melaka di tangan Portugis pada

tahun 1511. Kamus itu terdiri daripada 482 entri kosa kata Cina yang dianggap penting dan dikategorikan kepada 17 bidang, iaitu astronomi, geografi, musim dan masa, tumbuh-tumbuhan, unggas dan haiwan, rumah dan istana, peri kelakuan, tubuh badan, barang emas dan permata, kemasyarakatan dan sejarah, warna, hitungan dan kata umum. Setiap entri diberi padanan bahasa Melayunya dengan tulisan Cina. Kamus itu disusun untuk keperluan Kerajaan China dalam Dinasti Ming dalam menjalin hubungan dengan Melaka dan hingga akhir abad ke-16, kamus itu masih menjadi rujukan, termasuk dalam penyusunan buku sejarah China.

Demikianlah, eratnyanya dan akrabnya hubungan antara dua tamadun turut meninggalkan dampak yang besar dan penting kepada bahasa juga, sebagaimana yang terbukti dengan meluasnya peranan bahasa Melayu. Jika pada zaman Sriwijaya memang telah ada perhatian pendeta Buddha China dalam mempelajari bahasa Melayu kuno, maka pada zaman Kesultanan Melayu, bahasa Melayu bukan sahaja dipelajari oleh para pendeta agama, malahan menjadi bahasa yang dipelajari dan digunakan untuk urusan perdagangan dan kehidupan oleh orang China daripada golongan lain, khususnya pedagang. Yang lebih penting daripada itu ialah adanya “perhatian diraja” pada pihak Dinasti Ming apabila menubuhkan Jawatankuasa Jurubahasa (Da Tong Shi) untuk memenuhi kepentingan dan keperluan dalam hubungan luar. Tong Shi atau jurubahasa yang berkhidmat dalam 18 jawatankuasa kecil (Xiao Tong Shi) berjumlah 60 orang, dan dua orang daripadanya khusus untuk bahasa Melayu, iaitu seorang untuk Melaka dan seorang untuk Sumatera. Untuk melatih para jurubahasa, pada tahun 1405 Maharaja Ming Cheng Zhu menubuhkan akademi bahasa yang dikenal sebagai Si Yi Guan (Balai Bahasa Negeri-negeri Asing) di ibu negara Ying Tian Fu (kini Nanjing). Terdapat lapan jabatan di akademi bahasa asing itu. Bahasa Melayu dimasukkan di bawah Hui Hui Guan (Jabatan Islam yang meliputi Parsi, Arab, Melaka, Jawa dan lain-lain). Akademi bahasa asing itu bertahan melebihi 400 tahun, dan dilanjutkan dalam Dinasti Qing yang menggantikan Dinasti Ming walaupun namanya diubah pada tahun 1748 menjadi Hui Tong Si Yi Guan. Peranan akademi itu hanya terhenti sesudah Perang Candu pada tahun 1840, sesudah Dinasti Qing menghadapi ketidakstabilan politik (Liang Liji 1996: 82-90).

Dalam hubungannya dengan tamadun Barat pula, usaha Antonio Pigafetta mengumpulkan kosa kata bahasa Melayu dalam daftar kata bahasa Itali –

bahasa Melayu pada tahun 1522 menandai wujudnya keperluan orang Barat mempelajari bahasa Melayu untuk keperluan hubungan antarabangsa. Daftar kata itu kemudian diterbitkan juga dalam edisi Latin – Melayu dan Perancis – Melayu (Collins 1998: 16-17). Dalam persuratan sejarah bahasa Melayu, telah terakam taraf keantarabangsaan bahasa Melayu, sebagaimana yang dirumuskan oleh Francois Valentijn tentang kedudukan bahasa Melayu pada abad ke-16, “Bahasa mereka, bahasa Melayu, bukan sahaja dituturkan di daerah pinggir laut, tetapi juga digunakan di seluruh Kepulauan Melayu dan di segala negeri Timur, sebagai suatu bahasa yang difahami di mana-mana sahaja oleh setiap orang, tidak ubah seperti bahasa Perancis atau Latin di Eropah, atau sebagai bahasa Lingua Franca di Itali dan di Levant. Sungguh luas tersebaranya bahasa Melayu itu sehingga kalau kita memahaminya tidaklah mungkin kita kehilangan jejak, kerana bahasa itu bukan sahaja difahami di Parsi bahkan lebih jauh dari negeri itu, dan di sebelah timurnya sehingga Kepulauan Filipina (Nik Safiah Karim et al. 2003: 14).

Gabenor Portugis di Moluku (1536-1539), Antonio Galvao menyamatarafkan kedudukan dan peranan bahasa Melayu pada abad ke-16 dengan bahasa Latin di Eropah disebabkan oleh peranan pentingnya sebagai bahasa ilmu, bahasa perdagangan, bahasa diplomasi, bahasa keagamaan dan juga sebagai bahasa rasmi istana yang merupakan institusi utama pemerintahan negara (Collins 1998: 23 dan 25). Perhatian orang Barat terhadap bahasa Melayu dari sudut korpus bahasa Melayu pun cukup besar, sehingga seawal abad ke-17 telah terhasil sejumlah buku tatabahasa dan kamus seperti karya F. de Houtman (1603), Albert Ruyl (1611), Casper Wittens dan Sebastian Danckaerts (1623), David Haex (1631) dan lain-lain.

Interaksi bahasa Melayu dengan bahasa-bahasa Barat kemudian, terutama bahasa Inggeris, telah memungkinkannya bahasa Melayu menambah kekayaannya yang sedia ada, baik dalam bidang fonologi, kosa kata, sintaksis mahupun wacana. Bahasa Melayu telah mencapai tahap saling terjemah (*inter-translatibility*) yang tinggi dengan bahasa-bahasa moden yang lain. Potensi besar bahasa Melayu yang menimbulkan keperluan perencanaan pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing, sebagai salah satu usaha pengantarabangsaan bahasa dan persuratan Melayu pada zaman ini ialah wujudnya pusat-pusat pengajian di seluruh dunia yang mengajarkan bahasa Melayu (dengan

pengertian bahasa Indonesia juga). Bahasa Melayu diajarkan dan diteliti di puluhan universiti di Eropah, Australia, New Zealand dan Amerika Utara, di samping diajarkan dan diteliti di rantau Asia Tenggara, Asia Timur dan Asia Utara. Di Eropah Barat, kajian tentang bahasa dan sastera Melayu-Indonesia telah mencapai tahap yang mapan, meskipun harapan banyak bergantung pada tokoh-tokoh tertentu.

Kegiatan pengajaran-pembelajaran dan penelitian bahasa, sastera dan budaya Melayu dapat dikatakan meriah di benua tersebut, terutama di pusat-pusat tradisional pengajian Melayu seperti Leiden, London dan Paris. Selain itu, terdapat juga pengajian Melayu di Itali. Di Jerman pula, sebagai kesan munculnya minat masyarakatnya terhadap Indonesia, lima buah universiti di negara tersebut mengajarkan bahasa Melayu-Indonesia. Kelima-limanya itu ialah Universiti Hamburg, Universiti Cologne, Universiti Bonn, Universiti Frankfurt dan Universiti Passau. Di sisi itu, ada juga perhatian kepada Dunia Melayu, termasuk bahasa Melayu di Universiti Bochum, di Universiti Kassel dan di Universiti Giesen. Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan (2004) dan pemakalah (2006 dan 2007) pernah diundang sebagai Profesor Tamu oleh tokoh linguistik terkenal di Universiti Frankfurt, Profesor Dr. Bernd Nothofer untuk menyampaikan kuliah intensif tentang linguistik Melayu kepada pelajar Magister (Sarjana) universiti tersebut.

Di bahagian lain benua Eropah, khususnya di Portugal dan Skandinavia, tampak juga adanya minat terhadap bahasa Melayu meskipun tidak serancak di negara-negara yang disebut terdahulu. Di Perancis, telah mula berkembang pengajaran bahasa dan sastera Melayu di Universiti La Rochelle pada tahun 2000. Rombongan ahli bahasa dari Malaysia yang terdiri daripada Profesor Emeritus Dr. Asmah Hj. Omar, Profesor Dr. Awang Sariyan dan Puan Atiah Salleh dihantar oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk memberikan kuliah intensif kepada pelajar universiti tersebut. Sebagai hasil kerjasama yang terjalin dengan DBP melalui Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM), pelajar dari universiti itu telah dihantar ke DBP untuk program latihan industri. Ada juga ura-ura pembukaan program pengajian Melayu di Institut Asia dan Afrika Tbilisi (TIAA), Georgia (surat Profesor Dr. Guram Chikovani, Rektor TIAA kepada pemakalah, bertarikh 25 Oktober 2005), tetapi dengan malapnya kegiatan MABM sesudah kali akhir bersidang pada tahun 2004, tidak ada susulan yang dilakukan terhadap hasrat tersebut.

Di Amerika Syarikat, universiti yang mula-mula mengadakan pengajaran dan penelitian bahasa Melayu-Indonesia ialah Universiti Yale dan Universiti Cornell. Sesudah itu pengajian bahasa Melayu-Indonesia dipergiat melalui Program Musim Panas yang kemudian merangkumkan pelibatan Universiti Hawaii dan Universiti California-Berkeley. Bahasa Melayu diajarkan juga di Universiti Wisconsin, Universiti Ohio, Universiti Michigan, Universiti Northern Illinois dan Universiti Arizona (Ismail Hussein 1995). Universiti Northern Illinois menjadi lebih giat sesudah Profesor Dr. James T. Collins, pakar dialektologi Melayu dilantik menjadi Pengarah Pusat Pengajian Asia Tenggara sejak tahun 2008 hingga 2011, dengan projek perkamusan Melayu dalam talian, pendanaan pelajar dari Asia Tenggara, termasuk dari Malaysia dan Indonesia dan program penyelidikannya di alam Melayu.

Di Australia, pengajaran dan penelitian bahasa Melayu terdapat di Universiti Sydney, Universiti Melbourne, Universiti Kebangsaan Australia, Universiti La Trobe dan Universiti Monash. Di samping itu, bahasa Melayu diajarkan di Curtin University of Technology di Perth, Universiti Australia Selatan, Kampus Bendigo Universiti La Trobe, Universiti Griffith, Universiti James Cook, Universiti Deakin, Universiti Flinders, Universiti Queensland Selatan, Universiti Murdoch, Universiti Tasmania, Universiti Kolej Wilayah Utara, dan Sekolah Bahasa-bahasa Angkatan Udara Diraja. Daripada maklumat yang diperoleh oleh pemakalah daripada sumber jabatan pendidikan, ketika melaksanakan pengembangan bahasa Melayu di Australia, di Victoria sahaja, terdapat sejumlah 120 ribu orang pelajar bahasa Melayu (khususnya variasi Indonesia) dari peringkat sekolah rendah hingga universiti (Awang Sariyan 2004). Besarnya minat masyarakat Australia terhadap bahasa dan budaya Melayu walau bagaimanapun tidak pula menempiaskan minat yang sama besarnya kepada New Zealand sebagai satu lagi jiran Barat bagi Asia, meskipun Kerajaan Malaysia menubuhkan Kursi Pengajian Melayu di Universiti Victoria, Wellington.

Namun demikian, bahasa Melayu pernah diajarkan di Universiti Auckland, Universiti Victoria, dan Kolej Rongitoto. Sebagai hasil promosi bahasa Melayu oleh MABM melalui DBP, di Australia, khususnya di Melbourne, Universiti Deakin telah memberikan kepercayaan kepada DBP dan Universiti Putra Malaysia mengendalikan kursus bahasa Melayu kepada pelajar-pelajarnya yang didatangkan ke Malaysia dalam tempoh

sebulan setengah bermula pada penghujung tahun 2004. Kumpulan kedua pelajar Universiti Deakin yang dihantar ke Universiti Putra Malaysia mula mengikuti kursus pada 19 Disember 2005 untuk tempoh sebulan setengah.

Di negara-negara Asia Timur, bahasa Melayu mendapat tempat yang cukup membanggakan. Di Jepun, pada akhir tahun 1980-an ada lima buah institusi pendidikan tinggi yang mempunyai jurusan bahasa Indonesia, iaitu Universiti Pengajian Asing Osaka, Universiti Pengajian Asing Tokyo, Universiti Tenri, Universiti Kyoto Sangyu dan Universiti Setsunan. Selain itu, ada 11 buah universiti yang ikut mengajarkan bahasa Melayu walaupun tidak mempunyai jabatan khas bahasa Melayu, iaitu Universiti Kyoto, Universiti Takushoku, Universiti Nohon, Universiti Sophia, Universiti Ajia, Universiti Daitobunka, Universiti Senshu, Universiti Tokto, Universiti Tokyo Nogyo, Universiti Waseda dan Universiti Pengajian Asing Kota Kobe. Pertemuan dengan Dr. Kyoko Funada dari Universiti Pengajian Antarabangsa Kanda di Tokyo pada 6 Julai 2012 di Tokyo menambah maklumat sebuah universiti lain yang turut mengajarkan bahasa Indonesia.

Di Republik Rakyat China, pengajian bahasa Melayu mencapai kemantapan di Universiti Peking, Universiti Pengajian Asing Beijing dan Universiti Komunikasi China (ketiga-tiganya di kota Beijing), Universiti Pengajian Asing Guangdong (di Guangzhou), sementara Universiti Bangsa-bangsa Guangxi di kota Nanning telah memulakan program bahasa Melayu pada tahun 2008. Pemakalah, bersama-sama dengan Profesor Wu Zong Yu, Pengarah Pusat Pengajian Melayu China, berpeluang memberikan kuliah pengukuhan di Universiti Bangsa-bangsa Guangxi pada akhir tahun 2008 dan di Universiti Pengajian Asing Guangdong pada bulan April 2009. Dalam perkembangan Keantarabangsaan dan Pengantarabangsaan Bahasa Melayu yang mutakhir, Universiti Bangsa-bangsa di kota Kunming, Provinsi Yunnan memulakan program bahasa Melayu pada bulan September tahun 2010 dan perancangan telah dimulakan sejak awal tahun 2009, dengan kerjasama Universiti Malaya, Universiti Pengajian Asing Beijing dan Konsul Jeneral Malaysia di Kunming. Universiti Pengajian Asing Tianjin pula memulakan jurusan bahasa Melayu pada tahun 2014. Pada bulan November 2015, pemakalah diberi penghormatan merasmikan Jabatan Bahasa Melayu di Universiti Pengajian Asing Guangdong di Guangzhou, bersempena dengan ulang tahun ke-50 universiti itu.

Terkini hingga tahun 2021, 15 universiti di Republik Rakyat China menawarkan Program Ijazah Bahasa Melayu selama empat tahun dan sebuah Kolej Pengajian Asing menawarkan Program Diploma Bahasa Melayu selama tiga tahun.

Pengiktirafan Kerajaan Malaysia kepada upaya pemerintah Republik Rakyat China dalam memajukan dan mengembangkan bahasa Melayu di tanah besar itu diterjemahkan dalam usaha penubuhan Kursi Pengajian Melayu pada tahun 2007 di Universiti Pengajian Asing Beijing, iaitu Kursi Pengajian Melayu yang ketiga sesudah Kursi di Universiti Leiden, Belanda dan di Universiti Victoria, New Zealand. Pada awal tahun 2008, Kursi itu telah diisi, dengan pemakalah sendiri sebagai penyandang pertama, dan tumpuan diberikan kepada peluasan dan peningkatan program ilmiah pada peringkat sarjana muda dan pascasiswazah, penyelidikan, penerbitan, seminar dan pengembangan program bahasa Melayu di universiti-universiti lain di luar Beijing.

Demikian pula, di Korea Selatan bahasa Melayu diajarkan di Universiti Pengajian Asing Hankuk di Seoul, Universiti Woosong dan Universiti Pengajian Asing Busan di kota Busan. Dari Universiti Pengajian Asing Busan inilah munculnya sarjana pengagum dan peneliti sejarah tulisan Jawi, iaitu Profesor Dr. Kang Kyoung Seock. Kerajaan Malaysia telah menubuhkan Kursi Pengajian Melayu di Universiti Pengajian Asing Hankuk, Seoul dengan Profesor Dr. Zaharani Ahmad dilantik sebagai penyandang pertamanya.

Di Asia Utara pula, iaitu di Rusia, pengajaran dan pengajian bahasa satu sastera Melayu sudah sekian lama bertapak di Moscow dan di Leningrad. Persatuan Nusantara yang berpusat di Moscow aktif menganjurkan seminar dan pertemuan ilmiah lain yang berkaitan dengan pengajian Melayu - Indonesia. Di Thaskent, UPSI membantu penubuhan Jabatan Bahasa Melayu di Universiti Thaskent pada tahun 2018.

Dengan agak meluasnya perhatian terhadap bahasa Melayu - Indonesia di pusat-pusat pengajian sedunia, maka memang amat relevan dibincangkan isu-isu yang berkaitan dengan pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing. Meskipun matlamatnya masih lebih tertumpu pada minat ilmiah dan kebudayaan, dengan sedikit-sedikit pada peluang pekerjaan, perlu ada perencanaan yang rapi untuk memungkinkan pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing itu mencapai kesan yang sebaik-baiknya.

DBP pula dalam rangka mengisi agenda pengantarabangsaan bahasa Melayu telah mengambil langkah menubuhkan MABM dengan kelulusan Jemaah Menteri pada tahun 1997 dan memulakan operasinya dalam tahun 2000. Antara bidang yang ditangani termasuklah pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing. Di samping mengutus tenaga pengajar (seperti ke Republik Rakyat China, Korea, Eropah, Thailand, Kemboja dan Sri Lanka), usaha menyusun buku dan modul pengajaran bahasa Melayu kepada penutur asing telah dimulakan. Pada bulan Ogos dan September 2005, telah diadakan Kursus Bahasa Melayu untuk Munsyi Antarabangsa dengan pelibatan penatar bahasa Melayu dari Thailand, Kemboja dan Sri Lanka, iaitu penatar yang sebelumnya telah menerima kursus bahasa Melayu di negara masing-masing atas usaha DBP. Program Minggu Bahasa dan Persuratan Melayu untuk meneguhkan aspek pedagogi bahasa Melayu kepada penutur asing di samping mempromosikan karya-karya persuratan Melayu kepada institusi-institusi ilmiah sedunia telah digerakkan, misalnya pada tahun 2002 di Belanda, Jerman dan Perancis dan pada tahun 2004 di Melbourne, Australia dan di Korea Selatan. Kerjasama penyelidikan bahasa dan persuratan telah dimulakan, seperti kajian etimologi dan keantarabangsaan bahasa Melayu serta penerbitan *Jurnal Melayu* (lihat Bahagian Strategi, perkara 4 tentang strategi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa dunia melalui badan penyelarasan).

#### PERTIMBANGAN STRATEGI

Kisah kegemilangan bahasa Melayu pada zaman silam, termasuk tentang kedudukannya yang telah membuana di jagat raya ini dapat menjadi pelipur lara bagi pejuang bahasa Melayu yang pedih hatinya apabila melihat bahasa Melayu dihina dalam siri peminggiran dan penurunan martabatnya di negara berbahasa Melayu sendiri. Namun, dengan sekadar mengagumi sejarah gemilang bahasa Melayu pada zaman silam, kita tidak mungkin dapat mengangkat martabatnya, melainkan dengan secara serius dan bertanggungjawab merencanakan hala tuju bahasa Melayu dalam zaman yang penuh dengan tantangan ini.

Pemakalah mengemukakan beberapa strategi yang praktis untuk memenuhi pengantarabangsaan dan keantarabangsaan bahasa Melayu, jika kita memang serius dalam agenda tersebut.

#### STRATEGI YANG BERKAITAN DENGAN PEMBENTUKAN BAHASA MELAYU SUPRANASIONAL

Keampuhan bahasa Melayu sebagai bahasa persatuan, paling tidak dalam tiga ranah penting kehidupan dan tamadun bangsa Melayu pada zaman silam, iaitu dalam perdagangan, pentadbiran (termasuk diplomasi) dan dalam bidang persuratan (sebagai bahasa ilmu, kesusasteraan, ketatanegaraan, perundang-undangan dan yang lain) merupakan bukti jelas wujudnya konsep bahasa Melayu supranasional, iaitu bahasa Melayu yang melampaui batas negara di Kepulauan Melayu, apatah lagi batas negeri dan daerah di sesebuah negara berbahasa Melayu. Walau bagaimanapun, hal itu tampaknya sudah menjadi fakta sejarah. Bahasa Melayu yang digunakan di negara-negara berbahasa Melayu kini sudah memperlihatkan jurang yang lebar dan dalam, baik pada segi kosa kata mahupun wacana keseluruhannya. Sehingga demikian, keadaan saling faham antara pengguna bahasa Melayu di negara-negara yang berlainan mengalami gangguan yang kadangkala sampai pada tahap yang serius. Contohnya, buku yang diterbitkan dalam bahasa Melayu varian Indonesia terpaksa diadaptasikan ke dalam bahasa Melayu varian Malaysia apabila dicetak di Malaysia. Memang sejarah tidak dapat diputar semula. Sejak kedatangan penjajah, bahasa Melayu di rantau ini mula melalui jalan sejarah yang berlainan. Secara beransur-ansur konsep bahasa Melayu persatuan yang terjelma dalam bahasa persuratan klasik berpecah menjadi beberapa jalur yang menandai kewujudan bahasa Melayu berjati diri kenegaraan. Bahasa Melayu di Malaysia, bahasa Melayu di Brunei Darussalam, dan bahasa Melayu di Indonesia masing-masing membentuk ciri-ciri khusus yang menandai situasi kenegaraan. Hal ini meskipun alamiah sifatnya dan tentu memberikan erti tertentu kepada kewujudan negara berdaulat, namun dalam konteks kesuburan saling faham dan pemantapan wilayah pengguna bahasa Melayu yang melampaui batas negara, tidak dapat tidak isu itu memerlukan perhatian yang saksama.

Memang bukan menjadi cita-cita pihak mana pun dalam kalangan Majlis Bahasa Brunei Darussalam – Indonesia - Malaysia (MABBIM) untuk mewujudkan satu bentuk bahasa Melayu yang mutlak seragam bagi semua negara berbahasa Melayu. Hal itu bukan sahaja tidak munasabah malah membentur kreativiti yang berlaku dalam bahasa Melayu di setiap negara berkenaan. Yang sesungguhnya diperlukan bukan bahasa yang mutlak seragam melainkan bahasa

Melayu yang relatif seragam pada sistem asas setiap tingkat korpus bahasanya, dari tingkat sebutan hingga tingkat tatabahasa dan laras bahasanya. Inilah yang dimaksudkan dengan bahasa Melayu supranasional, iaitu bahasa Melayu yang dapat memaksimumkan darjah keadaan saling faham dalam kalangan pengguna bahasa Melayu di semua negara berbahasa Melayu dan juga di negara bukan berbahasa Melayu.

Kewujudan bahasa Melayu supranasional ini dapat juga membantu upaya pengembangan bahasa dan persuratan Melayu di luar dunia Melayu, apabila pelajar dan pengkaji asing tidak terganggu oleh terlalu besarnya jurang perbezaan antara bahasa Melayu di negara-negara berbahasa Melayu, terutama varian bahasa Melayu di Malaysia dengan varian di Indonesia dengan pengalaman pemakalah sendiri apabila memberikan kuliah intensif kepada calon sarjana dan doktor falsafah di Universiti Sumatera Utara, Indonesia, menunjukkan wujudnya jurang komunikasi yang agak besar apabila sejumlah kosa kata, baik kosa kata umum mahupun istilah perlu dijelaskan dalam varian Indonesia. Upaya merealisasikan bahasa Melayu supranasional ini patut menjadi antara agenda dalam peluasan bidang kerja MABBIM. Paling tidak, kita perlu bermula dengan kajian dan penyenaian unsur-unsur yang berbeza antara varian utama bahasa Melayu itu untuk didedahkan kepada pengguna bahasa supaya wujud keadaan saling faham yang tinggi sesama pengguna bahasa Melayu di negara yang berlainan dan juga untuk difahami oleh pelajar serta peneliti asing (Awang Sariyan 2003 dan 2009).

Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan (1998) dalam perinciannya tentang upaya mempromosikan bahasa Melayu supranasional (yang diistilahkan sebagai dialek Melayu supra) menekankan pentingnya pembinaan wilayah Melayu besar dalam konteks membentuk kekuatan tamadun Melayu di wilayah Asia-Pasifik dalam alaf baharu. Kekuatan tamadun Melayu, di sisi terletak pada jumlah hampir 300 juta umatnya, kata Abdullah Hassan, terletak pada potensi pemikiran bangsanya. Bahasa Melayu supranasional merupakan wahana asas untuk membina pemikiran kolektif umat yang menggunakan bahasa Melayu dalam kehidupannya. Selain itu, kewujudan bahasa Melayu supranasional dapat memungkinkan pemanfaatan kekayaan gagasan yang terhimpun dalam kepustakaan berbahasa Melayu oleh seluruh umat Melayu. Hal ini akan memberikan kesan langsung kepada pengayaan minda umat Melayu untuk terus berkreativiti dan sekali gus meningkatkan tamadun.

Perlu difikirkan hipotesis Abdullah Hassan tentang adanya pertalian yang signifikan antara penggunaan bahasa sendiri dengan kreativiti bangsa itu. Bangsa yang menggunakan bahasanya sendiri dalam pembinaan tamadunnya mampu berkreativiti tinggi. Ia mengambil bangsa Jepun sebagai contoh unggul yang mampu menghasilkan pelbagai produk, dengan pengembangan minda melalui bahasa sendiri. Sebaliknya bangsa yang tertawan oleh bahasa asing dalam kehidupannya menjadi lesu dalam kreativiti. Ia mengambil contoh bagaimana bangsa India yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengucapan intelektualnya gagal mempamerkan kreativiti yang gemilang berbanding dengan bangsa Jepun.

Dalam hubungannya dengan bahasa supranasional, kekayaan pemikiran bangsa akan lebih terarah melalui penggunaan bahasa yang mempunyai ciri kolektif yang besar. Untuk membentuk bahasa Melayu supranasional, diperlukan upaya menyelaraskan sistem bahasa Melayu antara negara. Dalam aspek sistem ejaan Rumi, kita sudah mencapai keselarasan yang relatif tinggi sehingga tidak timbul lagi kesenjangan pemahaman ketika membaca tulisan dalam bahasa Melayu yang terhasil di negara berbahasa Melayu yang lain. Aspek yang cukup erat kaitannya dengan sistem ejaan ialah sistem sebutan atau lafaz. Selama MBIM dan MABBIM menangani kerjasama kebahasaan sejak awal, aspek sebutan bahasa Melayu supranasional belum pernah dijadikan agenda rasmi meskipun secara tersirat dan pada praktiknya upaya ke arah itu tampak wujud dalam komunikasi antara sebilangan anggota perwakilan. Untuk maksud menjadikan bahasa Melayu bahasa yang besar di persada dunia, perlu diwujudkan konsep “bahasa Melayu unggul”, iaitu bahasa Melayu yang menjadi rujukan dan asas bagi pengajaran dan pemelajarannya kepada generasi muda berbangsa Melayu dan juga kepada warga dari wilayah bukan Melayu yang sejak dahulu menunjukkan minat yang besar untuk mempelajari bahasa Melayu. Selain sistem ejaannya yang selaras, diperlukan sistem sebutan yang selaras juga bagi bahasa Melayu supranasional. Asasnya telah ada dan telah mantap di Indonesia dan di Brunei Darussalam, serta telah digerakkan di Malaysia sejak tahun 1980-an tetapi malap sesudah tahun 2000 apabila dimansuhkan.

Aspek lain yang penting ialah kosa kata. Selama ini MABBIM telah berhasil menyelaraskan pedoman pembentukan kosa kata khusus, iaitu istilah. Sebagai peluasannya, perhatian patut

diberikan juga kepada penggunaan kosa kata umum. Oleh sebab kosa kata umum banyak dipengaruhi oleh latar sosiobudaya masing-masing pengguna bahasa Melayu menurut daerah, negeri dan negara, maka penyelarasan daripada segi penyusunan kamus antara negara berbahasa Melayu cukup penting. Usaha Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam menerbitkan Kamus Bahasa Melayu Nusantara (2004) yang menjelaskan varian bahasa Melayu Malaysia, Indonesia dan Brunei merupakan usaha permulaan yang besar manfaatnya dan dapat dijadikan titik tolak pembentukan bahasa Melayu supranasional dalam aspek kosa kata. Adanya kamus seumpama itu pasti dapat meningkatkan darjah saling faham antara pengguna bahasa Melayu di ketiga-tiga buah negara induk wilayah bahasa Melayu itu dan besar manfaatnya kepada pelajar dan peneliti asing.

Di samping kamus, perlu diperbanyak persuratan yang memerikan ciri-ciri sosiobudaya yang melatari kosa kata umum bagi pelbagai ranah kehidupan umat Melayu di negara yang berlainan. Kesemua upaya itu bukan sahaja dapat meningkatkan darjah saling faham antara pengguna bahasa Melayu di negeri yang berlainan bahkan sekali gus dapat saling memperkaya kosa kata bagi bahasa Melayu, sehingga keperluan menyerapkan kata daripada bahasa asing menjadi minimum.

#### STRATEGI YANG BERKAITAN DENGAN UPAYA MEMPERKAYA KHAZANAH ILMU BAHASA MELAYU

Upaya perancangan bahasa Melayu pada tahap korpus bahasa belum benar-benar bererti andai kata tidak dipertalikan dengan upaya pengayaan kepustakaan atau ilmu dalam bahasa Melayu. Masih relevan, pada hemat pemakalah, kerangka perancangan bahasa yang dikemukakan oleh Profesor Sutan Takdir Alisjahbana (1977) dalam konteks ini. Beliau membahagikan tahap perancangan bahasa Melayu kepada empat, iaitu pemilihan bahasa kebangsaan, propaganda kepada rakyat, pembinaan bahasa dan peluasan bahasa. Tahap ketiga itu ialah perancangan korpus bahasa yang melibatkan pembakuan sistem ejaan, sebutan, tatabahasa dan kosa kata. Kemuncak perancangan bahasa Alisjahbana direalisasikan melalui peluasan penggunaan bahasa Melayu yang salah satunya melalui bidang ilmu. Memang semua tamadun sejak sejarah awal kehidupan manusia ditandai oleh kesuburan ilmunya dan kesuburan ilmu itu ditandai pula oleh kekayaan khazanah ilmunya,

terutama dalam bentuk tulisan. Oleh itu, pada tahap pembinaan korpus bahasa sudah relatif mantap, sampailah saatnya MABBIM memberikan perhatian yang besar kepada upaya pengayaan khazanah ilmu dalam bahasa Melayu untuk pemeraksanaan bahasa dan bangsa Melayu sebagai pendukung salah satu tamadun di dunia.

Kehebatan khazanah persuratan ilmu dalam zaman Melayu klasik pada sekitar abad ke-14 hingga abad ke-19 perlu digemilangkan semula pada abad kini dan akan datang. Kerja penghasilan karya ilmu yang selama ini dilakukan secara sendiri-sendiri memerlukan perubahan strategi andai kata kita ingin menyaksikan terhasilnya khazanah ilmu dalam bahasa Melayu secara besar-besaran.

Penggemblengan tenaga karyawan ilmu dalam pelbagai bidang dari semua negara berbahasa Melayu perlu diusahakan. Perlu ada perencanaan yang rapi untuk mengenal pasti bidang-bidang ilmu yang sudah agak kaya khazanahnya dan bidang-bidang yang masih muda dan justeru memerlukan perhatian yang lebih besar. Demikian pula, perlu dikenal pasti bidang-bidang ilmu yang sangat mendesak keperluannya bagi pembangunan umat Melayu, katakan sahaja bidang teknologi maklumat sebagai contoh. Dengan prasarana yang sedia ada dan dengan pengalaman kerjasama yang cukup erat sejak tahun 1972, MABBIM memiliki kekuatan untuk menangani tugas memperkaya khazanah ilmu dalam bahasa Melayu dengan cekap dan produktif, baik melalui penghasilan karya asli, terjemahan, mahupun adaptasi. Kejayaan Indonesia menggerakkan penghasilan kerja terjemahan yang cepat dalam pelbagai disiplin ilmu perlu dipelajari oleh negara kita, khususnya oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia (kini Institut Terjemahan dan Buku Malaysia).

#### STRATEGI YANG BERKAITAN DENGAN KERJASAMA DALAM PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN BAHASA

Satu segi lain yang perlu diberi perhatian ialah kerjasama dalam penyelidikan bahasa. Memang terlalu banyak yang dapat diusahakan dalam bidang ini. Namun supaya ada arah kerjasama yang jelas dan berfokus, pemakalah menyarankan agar diberikan perhatian khusus kepada kerjasama penyelidikan untuk mengisi Projek Penyusunan Sejarah Bahasa Melayu yang dimulakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia pada tahun 1985. Sejarah bahasa Melayu dengan pengertian yang luas tentu perlu meliputi sejarahnya di seluruh dunia Melayu, secara



khusus, dan di seluruh buana amnya. Oleh itu, diperlukan penggembleran tenaga seluruh ahli ilmu yang dapat menyumbang kepada penyusunan sejarah bahasa Melayu yang tuntas. Kekurangan maklumat tentang segi-segi tertentu dalam pensejarahan bahasa Melayu pasti menjadikan projek tersebut pincang. Secara kasar, Projek Penyusunan Sejarah Bahasa Melayu mencakup tiga bidang utama, iaitu sejarah struktur bahasa Melayu, sejarah sosial bahasa Melayu dan sejarah kajian bahasa Melayu. Bidang yang pertama itu termasuklah kajian rekonstruksi bahasa Melayu induk, struktur bahasa Melayu kuno pada prasasti, struktur bahasa Melayu klasik, struktur bahasa Melayu peralihan dan struktur bahasa Melayu baharu. Bidang yang kedua pula termasuklah perkembangan dialek, laras atau variasi dari zaman ke zaman. Bidang yang ketiga pula meliputi pendokumentasian perkembangan kajian ilmiah tentang segala aspek bahasa Melayu dari zaman ke zaman.

Kesemuanya itu jelas hanya dapat ditangani dengan penggembleran tenaga seluruh ahli ilmu yang terlibat dengan bahasa Melayu, secara cukup terencana dan berjadual. Dalam konteks inilah MABBIM dapat berperanan besar dengan meluaskan cakupan bidang kerjanya. Selain itu, projek-projek yang terbukti cukup berkesan dalam memaparkan sejarah dan perkembangan semasa tentang bahasa, persuratan dan budaya Melayu, seperti yang telah digerakkan oleh DBP sejak tahun 2000, iaitu Jejak Bahasa (dengan kerjasama TV3) dan Semarak Bahasa (dengan kerjasama RTM) perlu diteruskan, dengan menggarap kawasan-kawasan komuniti bahasa Melayu di seluruh dunia yang belum dijejaki dalam dua siri dokumentari di televisyen itu.

Dalam bidang penerbitan, perlu diupayakan penyelarasan dalam pembinaan judul penerbitan menurut keperluan dan kepentingan dalam bidang bahasa, sastera, budaya, sejarah, agama dan bidang lain untuk kegunaan pengajian pada peringkat antarabangsa. Saya mengimpikan siri penerbitan hasil kajian dan karya besar kesarjanaan sebagaimana yang pernah diusahakan oleh Institut Antarabangsa Kajian Asia, Belanda dengan Pusat Bahasa Indonesia dalam siri ILDEP (Indonesian Linguistics Development Project) yang menampilkan karya-karya penting dan hasil kajian tentang bahasa dan persuratan Indonesia. Melalui siri penerbitan seumpama itu, dapat dirancang dan diusahakan penerbitan segala hasil kajian penting tentang alam Melayu untuk disebarluaskan ke peringkat antarabangsa. Alangkah ruginya sekian banyak tesis

dan disertasi sarjana dan doktor falsafah tentang tamadun Melayu dalam pelbagai bidang yang masih banyak tersimpan di rak-rak perpustakaan atau di bilik penyelia. Masih amat kecil tesis dan disertasi yang diterbitkan. Yang tidak kurang pentingnya ialah penerbitan bahan-bahan ajar bahasa Melayu untuk keperluan penutur asing, termasuk kamus terperingkat.

#### STRATEGI PENGANTARABANGSAAN BAHASA MELAYU MELALUI BADAN PENYELARAS

Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) atau padanan bahasa Inggerisnya International Council for Malay ICM) dengan rasminya dilancarkan penubuhannya pada 21 Ogos 2000, serentak dengan sidangnya yang pertama yang dihadiri oleh wakil 20 buah negara anggota dari seluruh dunia. Penubuhan majlis tersebut telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia pada 2 Julai 1997. Majlis ini bermatlamat untuk menyelaraskan segala aktiviti yang menjurus kepada pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa dan menaungi jawatankuasa-jawatankuasa bahasa yang ada pada pelbagai peringkat. Fungsi pembinaan bahasa yang dilaksanakan oleh MABM mencakup aspek penyelidikan bersama dengan pelbagai institusi dan agensi dalam bidang bahasa dan persuratan Melayu, termasuk usaha penterjemahan dan penerbitan dalam bahasa Melayu. Fungsi pengembangannya pula meliputi program pengajaran dan pemelajaran di pusat-pusat pengajian atau badan akademik, institusi penyelidikan dan budaya antarabangsa serta mewujudkan kerjasama kebahasaan dan persuratan Melayu di seluruh dunia melalui pelbagai program pengembangan.

Majlis yang menurut rancangan kerjanya bersidang mengikut jadual tertentu ini perlu mengatur dan menyelaraskan pelbagai program dan aktiviti untuk mengisi dan menyokong rancangan pembinaan dan pengembangan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Jawatankuasa khusus (jawatankuasa kecil) perlu bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun untuk mengatur strategi pelaksanaan program/aktiviti dalam bidang kuasa masing-masing. Antara aktiviti yang perlu diselaraskan termasuklah:

1. Penubuhan dan pengukuhan pusat pengajian Melayu di institusi pengajian di luar negara atau menyelaraskan kurikulum dan skopnya.
2. Program pertukaran sarjana/pelajar/penyelidik pengajian Melayu dalam kalangan negara anggota.

3. Skim pertukaran/pemberian bahan berbahasa Melayu atau bahan tentang tamadun Melayu dalam kalangan negara anggota.
4. Penerbitan berbahasa Melayu atau penerbitan tentang tamadun Melayu.
5. Persidangan, seminar dan kolokium bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa sebagai wadah menyemarakkan pengembangan bahasa.
6. Program galakan pengembangan dan penggunaan bahasa seperti anugerah, hadiah, sumbangan, geran dan sebagainya.

Keanggotaan Majlis ini terbahagi kepada tiga kategori, iaitu Anggota Majlis, Anggota Pemerhati dan Anggota Undangan. Anggota Majlis merupakan tokoh bahasa Melayu atau tokoh pengajian Melayu atau sarjana yang berwibawa dari pusat pengajian atau penyelidikan mana-mana negara yang dilantik oleh Menteri Pendidikan Malaysia. Pelantikan ahli Majlis berlaku sekurang-kurangnya satu penggal atau tiga tahun; keanggotaannya boleh disambung dengan pelantikan baharu, tetapi tidak melebihi dua penggal berturut-turut, yakni enam tahun.

Anggota Majlis mempunyai hak mengundi. Anggota pemerhati pula dilantik sebagai pemerhati mewakili institusi masing-masing. Anggota pemerhati tidak mempunyai hak mengundi. Walau bagaimanapun, mereka boleh memberikan pandangan dalam sidang.

Anggota undangan ialah orang perseorangan atau wakil institusi yang diundang oleh Majlis atau Urus Setia untuk hadir dalam sidang tertentu berasaskan kepakaran atau kepentingan Majlis. Sekretariat tetap Majlis ini ialah Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dalam Sidang Pertama MABM pada 21 – 23 Ogos 2000, 20 buah negara telah menghantar wakil yang terdiri daripada anggota Majlis dan juga pemerhati. Negara tersebut ialah Afrika Selatan, Amerika Syarikat, Australia, Belanda, China, India, Indonesia, Jepun, Jerman, Kemboja, Korea Selatan, Malagasi, New Zealand, Rusia, Sri Lanka, Singapura, Tanzania, Thailand dan United Kingdom, di samping Malaysia sebagai tuan rumah sidang. Setiap wakil negara telah membentangkan laporan perkembangan pengajian Melayu atau pengajaran bahasa Melayu di negara masing-masing. Bagi negara yang belum mengadakan program bahasa atau pengajian Melayu, seperti Afrika Selatan dan India, telah dibentangkan rancangan ke arah itu.

Pada akhir sidang, enam kelompok usul telah dikemukakan, iaitu yang berkaitan dengan aspek

pengurusan, program penggalakan, pengajaran dan penataran, program pengajian Melayu, kerjasama antara negara anggota dan dukungan kewangan. Antaranya, yang penting ialah:

#### PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

1. Jawatankuasa kerja yang anggotanya mewakili setiap wilayah perlu ditubuhkan.
2. Perlu diwujudkan Laman MABM yang dirangkaikan dengan laman-laman web negara-negara anggota.
3. Perlu diadakan pertemuan kerja pada peringkat antarabangsa untuk membincangkan pelbagai topik, contohnya kaedah pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing.
4. Perlu ditingkatkan usaha penyelarasan penggunaan bahasa dan istilah bahasa Indonesia, bahasa Melayu Malaysia dan bahasa Melayu Brunei untuk menguatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa.
5. Misi Pemerolehan Maklumat (fact finding mission) perlu dilaksanakan di negara anggota MABM yang belum mempunyai program pengajaran bahasa Melayu seperti di Sri Lanka dan Malagasi.
6. MABM harus memikirkan usaha untuk menubuhkan pusat bahasa Melayu yang berperanan seperti The British Council, dan Alliance Francaise, bagi mengembangkan bahasa Melayu.
7. MABM perlu mengkaji kemungkinan mewujudkan hubungan antara universiti negara anggota dengan universiti negara induk bahasa Melayu.
8. MABM haruslah memberikan tumpuan kepada usaha menubuhkan pusat-pusat yang mengajarkan bahasa Melayu di negara anggota.
9. MABM hendaklah memohon supaya kerajaan Malaysia mewujudkan unit bahasa Melayu di semua kedutaannya dan sekali gus menjadi penggerak semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.
10. MABM hendaklah menubuhkan sekretariat yang bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk menangani program pelantikan dan pengiriman tenaga pengajar & "sukarela" bahasa Melayu ke mana-mana jua negara yang memerlukan bantuan pengajaran/pemelajaran bahasa Melayu.
11. Perancangan dan penyelarasan di pelbagai peringkat untuk program pertukaran dan

- penghantaran pakar ke institusi pengajian dan penyelidikan di kalangan negara anggota MABM perlu dilaksanakan.
12. Program/Aktiviti Penggalakan
  13. Perlu diadakan aktiviti Bulan Bahasa di kelab, pusat kemasyarakatan dan pusat pengajian tinggi di negara di luar dunia Melayu.
  14. Bagi menarik minat lebih banyak mahasiswa untuk mempelajari bahasa Melayu, perlu diadakan promosi besar-besaran dan usaha mengembangkan kaedah pengajaran bahasa Melayu.
  15. MABM perlu mengadakan festival Melayu dan sayembara menulis untuk memperkenalkan dunia Melayu secara menyeluruh, teratur dan terus-menerus kepada masyarakat antarabangsa.
  16. Aktiviti yang dicadangkan untuk menambah pelibatan pelbagai pihak dalam usaha mengembangkan dan menyebarkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa meliputi:
  17. Hadiah Tokoh Pengajian Bahasa atau Pengajian Melayu Antarabangsa (Tokoh dalam negara dan luar negara yang giat dalam pengembangan bahasa Melayu).
  18. Hadiah Penyelidik/Peneliti (yang giat menghasilkan penyelidikan/penelitian).
  19. Hadiah Pelajar Cemerlang bidang Bahasa pada peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia.
  20. Anugerah Institusi Cemerlang (dalam pengajian Bahasa/Pengajian Melayu).
  21. Hadiah wibawa berbahasa Melayu dalam pelbagai genre (melalui pertandingan atau sayembara).
  22. Hadiah/Skim Pertukaran Pelajar.
4. Harus diadakan ujian atau olimpiad untuk menguji mutu bahasa Melayu dalam kalangan murid di rantau ini.
  5. Penyusunan buku pengajaran bahasa Melayu untuk penutur asli bahasa asing perlu diusahakan.
  6. Kursus intensif bahasa Melayu harus diadakan mengikut keperluan dan dicadangkan supaya kursus begini merangkum program inap desa atau "home stay". Program "home stay" seperti yang dianjurkan oleh Universiti Monash dan Deakin di Australia boleh dijadikan model.
  7. Perlu diadakan usaha sama antara beberapa universiti di negara induk bahasa Melayu dengan universiti-universiti di negara anggota MABM untuk memberikan peluang kepada mahasiswa dan pensyarah jurusan pengajian Melayu belajar di Malaysia, di Indonesia dan di Brunei.
  8. Ujian tara untuk bahasa Melayu (seperti ELTS Test untuk bahasa Inggeris) bagi pelbagai peringkat (rendah, menengah, lanjutan) perlu dikembangkan dan harus merangkumi keempat-empat kemahiran berbahasa.
  9. Kursus bahasa Melayu melalui telesidang harus diwujudkan untuk membantu meluaskan pengajaran bahasa Melayu.
  10. Negara induk bahasa Melayu perlu memberikan sokongan terhadap pengajaran bahasa Melayu di negara-negara anggota MABM.
  11. Perlu ada usaha untuk mengembangkan dan memperbanyak bahan pengajaran bahasa Melayu dan bahan rujukan asas dalam pelbagai bentuk seperti bahan bercetak, kaset, V.T.R., filem, dan CD-Rom.
  12. Buku sastera yang dipilih sebagai komponen sastera dalam pengajaran bahasa Melayu di sekolah menengah Malaysia, karya-karya pilihan Indonesia, Brunei dan Singapura digunakan untuk mengajarkan bahasa Melayu di luar negara.
  13. Harus dibina pangkalan data bahasa Melayu baku yang dapat diakses melalui Internet untuk tujuan mendapatkan bahan pengajaran bahasa.
  14. Penyebaran bahan berbahasa Melayu atau bahan-bahan tentang bahasa, alam dan pemikiran Melayu dalam bahasa-bahasa lain wajar digiatkan dan dilaksanakan dengan terancang lagi teratur. Penyelarasan penyebaran maklumat-maklumat lain tentang aktiviti ini perlu juga dibuat melalui pelbagai cara dan wahana, contohnya melalui:

#### PENGAJARAN/PENATARAN BAHASA MELAYU

1. Kursus bahasa Melayu hendaklah mencakup pelbagai peringkat (rendah/asas, pertengahan, dan tinggi) dan golongan (pengajar, pensyarah, penyelidik dsb).
2. Untuk mengemaskinikan kaedah pengajaran bahasa Melayu, sebaik-baiknya tenaga pengajar dari DBP dihantar secara berkala ke negara bukan berbahasa Melayu untuk memberikan ceramah dan syarahan.
3. Pengajaran bahasa Melayu haruslah terangkum di dalamnya variasi bahasa Melayu dan bahasa Indonesia.

- a. Institusi pengajian atau pusat penyelidikan.
- b. Persatuan atau pertubuhan kebahasaan.
- c. Pusat sumber (IPT, kedutaan dan badan-badan lain).

#### PROGRAM PENGAJIAN MELAYU

1. Perlu diwujudkan program musim panas (summer school) untuk pelajar, pakar dan pengkaji bahasa Melayu di luar dunia Melayu yang menawarkan program pengajian Melayu.
2. Modul untuk pengajaran kebudayaan Melayu perlu ditawarkan sebagai elektif, misalnya bagi pelajar program pengajian kebudayaan.
3. Pengajian Melayu perlu diperkembang supaya menjadi program pada peringkat sarjana dan pasca sarjana di luar dunia Melayu.
4. Kursi pengajian Melayu yang beroperasi antara 1992-1998 di Universiti Leiden harus dinilai untuk diisi semula. (Langkah pengisian Kursi telah dilaksanakan pada tahun 2002).
5. Pemilihan tempat yang benar-benar sesuai untuk mewujudkan Kursi Pengajian Melayu perlu dibuat berasaskan wilayah, kepentingan ekonomi, diplomatik, sejarah dan sebagainya agar mendatangkan manfaat atau dampak yang besar.
6. Kursi Pengajian Melayu di Universiti Victoria, Wellington, harus dipindahkan ke Universiti Auckland kerana universiti tersebut adalah satu-satunya universiti di New Zealand yang masih menawarkan pengajian bahasa Melayu.
7. MABM perlu memberikan cadangan dan pandangan untuk mewujudkan Kursi Pengajian Melayu di pusat pengajian pilihan untuk mengangkat taraf dan citra sarjana bidang pengajian ini dan sekali gus mengangkat bahasa serta pengajian Melayu di dunia.

#### KERJASAMA ANTARA NEGARA ANGGOTA

1. MABM harus memikirkan usaha menempatkan tenaga pakar untuk mengajarkan bahasa Melayu di negara anggota seperti Thailand, Kemboja, Malagasi, Afrika dan Sri Lanka.
2. Pertukaran pakar/pensyarah amat diperlukan antara pusat pengajian di pelbagai negara anggota yang menawarkan kursus bahasa Melayu atau program pengajian Melayu.
3. Siswazah yang berkelulusan M.A. dihantar ke Malaysia sebagai penolong pensyarah atau ditawarkan khidmat di mana-mana institusi,

- misalnya untuk membantu kerja-kerja penterjemahan atau bekerja secara kontrak.
4. Pensyarah/penyelidik muda harus diberi peluang untuk diundang ke negara induk bahasa Melayu sebagai karyawan tamu, di samping penyelidik veteran yang berpengalaman.
5. Harus diusahakan projek penyelidikan/penelitian tentang variasi-variasi bahasa Melayu moden (yang merangkumi bahasa Melayu Indonesia, Malaysia, Brunei, Singapura) dengan tujuan menghasilkan buku yang membantu pelajar asing mengenal variasi-variasi tersebut.
6. Kerjasama penyelidikan dalam kalangan negara anggota MABM amat perlu bagi bidang dan aspek penyelidikan seperti yang disenaraikan di bawah:
  - a. Sejarah Bahasa dan Persuratan Melayu (mencakup pelbagai aspek)
  - b. Bahasa dan Linguistik
  - c. Perbandingan Bahasa dan Sastera (dengan pelbagai bahasa/sastera asing)
  - d. Perkamusan dan Peristilahan
  - e. Pengajaran Bahasa dan Sastera Melayu (dengan pelbagai pendekatan dan kaedah)
  - f. Bahasa dan Pemikiran Melayu
  - g. Bahasa/Linguistik Melayu (Terapan)
7. Perlu ditingkatkan usaha untuk menerbitkan kamus bahasa Melayu-bahasa asing, misalnya kamus bahasa Rusia-bahasa Melayu, bahasa Cham-bahasa Melayu dan bahasa Korea-bahasa Melayu, untuk tujuan pengajaran dan pengembangan bahasa Melayu.
8. Perlu diterbitkan buku teks bahasa Melayu untuk tenaga pengajar asing, berdasarkan peringkat kemahiran, misalnya tingkat permulaan, pertengahan dan lanjutan.
9. Perlu diterbitkan buku yang mencerminkan kebudayaan/kehidupan di Indonesia dan Malaysia. Untuk ini, ahli bahasa Malaysia/Indonesia dan beberapa pakar bahasa Melayu asing harus bekerjasama.
10. Penerbitan dan penterjemahan karya sastera negara anggota dari atau ke dalam bahasa Melayu perlu ditingkatkan. Karya sastera yang perlu diterjemahkan harus dikenal pasti, disenaraikan dan diterbitkan di negara masing-masing.
11. Perlu diterbitkan Buletin MABM yang disebarkan melalui media elektronik.
12. MABM perlu menerbitkan hasil kajian tentang bahasa dan orang Melayu, serta bahasa-bahasa lain (seperti bahasa Cham), terutamanya bahasa Austronesia yang dituturkan di Alam Melayu.

13. Perlu diusahakan penerbitan bibliografi bahan pengajian Melayu di seluruh dunia yang dapat diakses melalui Internet.
14. Kerjasama penulisan, penterjemahan dan penerbitan boleh diusahakan bagi bahan-bahan seperti yang berikut, antaranya:
  - a. Bahan tentang Bahasa dan Sastera Melayu
  - b. Bahan tentang Seni, Tradisi dan Budaya Melayu
  - c. Bahan-bahan Berunsur Falsafah dan Pemikiran Melayu
  - d. Bahan-bahan untuk Perbandingan dari Bahasa Lain
  - e. Bahan-bahan Pengajaran bagi Pengajian Melayu
  - f. Penerbitan Berkala/ Buletin/ Surat Berita
  - g. Jurnal Dunia Melayu

#### DUKUNGAN KEWANGAN

1. Basiswa untuk pengajian bahasa Melayu bagi pelbagai peringkat dan golongan perlu disediakan, misalnya basiswa untuk pelajar cemerlang, basiswa untuk membolehkan pelajar asing ditempatkan di salah sebuah universiti di negara induk bahasa Melayu.
2. Sumbangan perlu diberikan kepada penerbit untuk tujuan penterjemahan karya sastera dari atau ke dalam bahasa Melayu.
3. Sokongan kewangan perlu diusahakan untuk membantu kursus bahasa Melayu yang ditawarkan sebagai kursus tambahan agar berkembang menjadi kursus yang lengkap.
4. Dana perlu disediakan untuk pengajaran linguistik, sains sosial dan kemanusiaan dengan tujuan menghasilkan sarjana dan peneliti bahasa Melayu bagi mengatasi masalah semakin kurangnya sarjana dan peneliti bahasa ini, baik di dalam mahupun di luar negara.

Sebahagian rumusan sidang MABM yang tersenarai di atas telah dilaksanakan, tetapi malangnya sesudah sidang kali keempat pada tahun 2004, kegiatan MABM telah ditangguhkan dan pada tahun 2012 upaya mengaktifkannya semula telah mendapat restu kepemimpinan DBP yang menjadi urus setia MABM.

#### PENUTUP

Makalah ini memberikan perspektif sejarah dan perkembangan semasa keantarabangsaan dan

program pengantarabangsaan bahasa Melayu. Selaras dengan pernyataan Perdana Menteri Malaysia untuk mengangkat bahasa Melayu di persada dunia, makalah ini diharapkan dapat memberikan beberapa masukan buah fikiran untuk mengisi gagasan Perdana Menteri Malaysia.

#### RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 1998. "Dialek Melayu Supra untuk Melangsungkan Bangsa Melayu". Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1998.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1988. *The Oldest Known Malay Manuscript Aqid al-Nasafi*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1972. *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2001. *Risalah untuk Kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Asmah Haji Omar. 2003. "Pengajaran Bahasa Melayu kepada Penutur Asing: Kaedah dan Prinsip" dlm. Atiah Hj. Mohd. Salleh dan Ramlah Muhammad. *Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 1995. "Pengantarabangsaan Bahasa Melayu melalui Institusi Pendidikan Tinggi: Pengalaman UIAM". Kertas kerja Kongres Bahasa Melayu Sedunia, Dewan Bahasa dan Pustaka, 21 –25 Ogos 1995.
- Awang Sariyan. 2002. "Bahasa Melayu sebagai Wahana Pemersatuan dan Pemeraksaannya di Persada Antarabangsa". Kolokium Bahasa dan Budaya Melayu, Universiti Frankfurt, Jerman, 30 Oktober 2002.
- Awang Sariyan. 2003. "Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia: Perbezaan dalam Kesatuan (Bicara Awal Beberapa Aspek Kosa Katanya)". Seminar Bahasa dan Persuratan Melayu, Universiti Melbourne, Australia dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1-6 Disember 2003.
- Awang Sariyan. 2004. *Malay on the ascendancy, The Star*, 2 Mei.
- Awang Sariyan. 2004. Bahasa Melayu mekar di benua Australia. Klik DBP, *Berita Harian*, 15 Disember.
- Awang Sariyan. 2006a. *Warna dan Suasana Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia. (Siri Lestari Bahasa)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. 2006b. *Hakikat Bahasa dan Realisasi Fungsinya dalam Pembinaan dan Penakatan Tamadun*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan. 2006c. Bahasa Melayu Setengah Abad Lalu dan Setengah Abad Mendatang: Upaya Pemeraksaannya. Kertas kerja Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ke-7, 6 – 8 November 2006.
- Awang Sariyan. 2007. Keunggulan Bahasa, Persuratan dan Tamadun Melayu". Ucapan Utama Seminar Pasca-Kongres GAPENA, Persatuan Melayu Pulau Pinang (PEMENANG), Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Penulis Pulau Pinang, 27 Mac 2007.
- Awang Sariya. 2008. Islam sebagai Teras Ilmu, Bahasa dan Budaya Melayu. Kertas kerja Seminar Angkatan Belia Islam Malaysia, 16 Ogos.

- Awang Sariyan. 2009a. *Mencari Makna Diri Melayu: Renungan untuk Bangsaaku*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan. 2009b. "Menjalin Persefahaman Tamadun melalui Pengajian Melayu: Gagasan Pelan Tindakan". Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing 2009. Beijing Foreign Studies University, 31 Mei - 3 Jun 2009.
- Awang Sariyan. 2009c. Merealisasikan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Dunia melalui Jaringan Kerjasama yang Terancang dan Berkesan. Kertas kerja undangan Seminar Bahasa Melayu Bahasa Dunia, Kerajaan Negeri Johor, Universiti Malaya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris, 28 - 30 September 2009.
- Awang Sariyan. 2009d. Senario Perkembangan Bahasa Melayu di Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa: Cabaran dan Harapan. Ceramah Umum JKTBM, Dewan Bahasa dan Pustaka dan Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Raja Melewar Seremban, 17 Februari 2009.
- Awang Sariyan. 2010. "Pengajian Melayu sebagai Gagasan" dlm. *Pemikir*, hlm. 145 - 177, April - Jun 2010.
- Awang Sariyan. 2010. "Pelajar Asing Ejen Perluas Penggunaan Bahasa Melayu" dlm. *Berita Harian*, 8 Mac 2010.
- Awang Sariyan. "Melaksanakan Idealisme dalam Pendidikan Bahasa Melayu Bhg. 1" dlm. *Dewan Bahasa*, Mei 2010.
- Awang Sariyan. Melaksanakan Idealisme dalam Pendidikan Bahasa Melayu Bhg. dlm. *Dewan Bahasa*, Jun 2010.
- Collins, J.T. 1995. Bahasa Melayu sebagai Bahasa Antarabangsa: Antara Kenyataan dan Keraguan. Kongres Bahasa Melayu Sedunia, DBP, 21 - 25 Ogos 1995.
- Collins, J. T. 1998. *Malay, World Language A Short History*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 1999. *Wibawa Bahasa, Kepiawaian dan Kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cooperation between Leiden, Frankfurt and Kuala Lumpur: *An Intensive Course in Malaysian Malay*. <http://www.elnws.leidenuniv.nl/indes.php3?m=l&c=62>
- Farid M. Onn. 1989. Bahasa Melayu tinggi: Potensi dan realiti kerjasama kebahasaan negara-negara serantau. Dlm. *Bahasa Melayu Baku Asas Pembinaan Tamadun*, disunting oleh Asraf. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia dan Sasbadi.
- Fishman et al. 1977. *The Spread of English*. Rowley Mass.: Newbury House.
- Hassan Ahmad. 1998. Gagasan MABBIM Menjadikan Bahasa Melayu - Bahasa Indonesia Bahasa ASEAN Menjelang Tahun 200 dlm. *Prosiding Seminar Kebahasaan MABBIM*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kertas Perancangan Program Kebahasaan 5 Tahun MABBIM Menghadapi Alaf Baharu 2000. Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. 1995. *Bahasa Melayu di Dunia Melayu*. Syarahan Raja Ali Haji Ke-5, Persatuan Linguistik Malaysia.
- Liang Liji. 1996. *Hubungan Empayar Melaka - Dinasti Ming Abad Ke-15*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Laporan Sidang Majlis Antarabangsa Bahasa Melayu (MABM) Pertama, 21 - 23 Ogos 2000.
- Nik Safiah Karim et al. 2003. *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Yatim. 2007. *Epigrafi Islam Terawal di Nusantara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Richards, J.C. 1991. *The Context of Language Teaching*. Cambridge: Cambridge Language Teaching Library. Surat Prof. Dr. Guram Chikovani, Rektor Tbilisi Institute of Asia and Africa, Georgia kepada pemakalah (25 Oktober 2005).
- St. Takdir Alisjahbana, 1977. *Dari Perjuangan dan Pertumbuhan Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Modern*. Jakarta: PT Dian Rakyat. Wawancara dengan Abdul Razak Pandaemalae, Universiti Walailak, Wilayah Nakhon Si Thammarat, 2010.
- Wu Zong Yu. 2009. "Kedegilan Memperjuangkan Bahasa Melayu di China". Kertas kerja utama Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Beijing 2009. Beijing Foreign Studies University, 31 Mei - 3 Jun 2009.
- Zhao Yue Zhen. 2007. "Perkembangan Bahasa Melayu di China dan Impak Kesarjanaan China dalam Pengajian Melayu". Tesis Sarjana Pengajian Melayu, Beijing Foreign Studies University.

Prof. Datuk Seri Dr. Awang bin Sariyan  
Pegawai Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM  
Pengerusi Lembaga Pengelola DBP

\* Petikan daripada buku Awang Sariyan, 2017, *Pemartabatan Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.